



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/11/19_59 (HQ)

TNB TERAJUI KOLABORATIF PERALIHAN TENAGA DI ASEAN DAN MALAYSIA

- Komited mengimbangi trilema tenaga
- Polisi, teknologi dan pembiayaan menentukan kejayaan Peralihan Tenaga
- Kolaborasi serantau menyegerakan Peralihan Tenaga bersama

Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus mengukuhkan komitmen dalam menerajui inisiatif-inisiatif pembangunan mampan di ASEAN. Syarikat ini siap siaga membentuk kerjasama dengan kerajaan, para pelabur dan pemegang taruh utama untuk menyegerakan Peralihan Tenaga (ET) yang bertanggungjawab di samping menangani trilema tenaga.

Dalam ucapan di persidangan ENLIT ASIA 2023 baru-baru ini, **Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din** mengutarakan cabaran penting dalam menyegerakan ET yang bertanggungjawab bagi mengimbangi trilema tenaga yang menyeimbangkan keterjaminan, kelestarian dan kebolehdayaan tenaga.

Beliau menekankan keperluan ET yang bertanggungjawab bagi menangani peningkatan permintaan elektrik yang mana TNB bersedia untuk memenuhinya sambil mengurangkan pelepasan karbon.

"Di rantau ASEAN, matlamatnya adalah untuk menyalurkan 3,000 GigaWatt (GW) tenaga bersih. Ketika ini, ASEAN telah memiliki 95GW bahan bakar termal dan 188GW tenaga boleh baharu (TBB). Menjelang 2050, rantau ini mensasarkan pencapaian lebih daripada 2,700GW TBB," kata Baharin.

Polisi, Teknologi Hijau dan Pembiayaan: Penting bagi Kejayaan ET

Polisi, teknologi hijau dan pembiayaan adalah pemboleh utama bagi kejayaan ET. Baharin menekankan bahawa pelaburan besar diperlukan untuk mencapai matlamat Sifar Bersih ASEAN menjelang 2050. Beliau optimis berlakunya perubahan landskap dengan kerajaan giat membuat dasar yang menyokong pertumbuhan bisnes rendah karbon.

Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) Malaysia memberi tumpuan kepada TBB, kecekapan tenaga (EE), hidrogen, bio tenaga, mobiliti hijau dan pemerangkapan karbon. Baharin menjelaskan peranan transformasi inisiatif-inisiatif ini dalam peralihan Malaysia ke arah ekonomi lestari dan hijau.

"Kolaborasi serantau melalui platform seperti HAPUA (*Heads of ASEAN Power Utilities/Authorities*), SOME (*Senior Officials Meeting on Energy*) dan AMEM (*ASEAN Ministers on Energy Meeting*) telah mempercepatkan proses menuju objektif tenaga mampan," ujar Baharin lagi.

Kerjasama Strategik: Memajukan Matlamat Peralihan Tenaga Malaysia

Malaysia memainkan peranan penting dalam melaksanakan objektif kolektif ET di rantau ini. Baharin berkata negara ini sedang memperkasakan infrastruktur penghantaran bagi mengukuhkan kerjasama serantau dan menyokong sambung tara sistem tenaga merentasi sempadan melalui Grid Tenaga ASEAN (APG).

"Pada masa ini, kami boleh menyokong tambahan 12GW melalui loji solar baharu dan penyimpanan bateri di titik nod tertentu dalam infrastruktur domestik kami, selain daripada 4GW TBB sedia ada. Kami secara proaktif sedang mengenal pasti lebih banyak titik nod demi mencapai matlamat nasional 70% kapasiti TBB menjelang 2050 dan memenuhi permintaan tenaga negara jiran apabila diperlukan."

Kerjasama strategik adalah kunci mencapai matlamat ET Malaysia. Sehingga kini, TNB telah menandatangani 29 Memorandum Persefahaman (MoU) dengan organisasi tempatan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang ET seperti taman solar, integrasi hidrogen dan ammonia dalam loji tenaga, sambung tara dan kenderaan elektrik.

"TNB percaya bahawa pendekatan secara kolaboratif dengan sokongan dasar, kemajuan teknologi dan pembiayaan yang mencukupi, adalah penentu kejayaan ET di samping menangani trilema tenaga," kata Baharin.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 November 2023, jam 11.30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731

atau emel kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din menyampaikan ucapan bertajuk 'Memperkasakan Peralihan Tenaga Bertanggungjawab' di ENLIT ASIA 2023 di Jakarta, Indonesia pada 15 November 2023. Ucapannya menekankan peranan penting kerjasama dan tanggungjawab kolektif dalam mendorong peralihan tenaga (ET) di seluruh rantau ASEAN.